

Biografi Mufti-mufti Malaysia

Azman Ab Rahman
Zahari Mahad Musa
Nik Salida Suhafla Nik Saleh
Adel M. Abdul Aziz



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Biografi
Musti-musti
Malaysia

Biografi Musti-musti Malaysia

Azman Ab Rahman
Zahari Mahad Musa
Nik Salida Suhaila Nik Saleh
Adel M. Abdul Aziz

Penerbit
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2008



Cetakan pertama 2008
© Hak cipta terpelihara Universiti Sains Islam Malaysia 2008

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh
Penerbit USIM:
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai,
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : 06-798 8045 / Faks : 06-798 8054

Dicetak oleh:
AMPANG PRESS SDN. BHD.
6, Jalan 6/91, Taman Shamelin Perkasa
Batu 3½ Jalan Cheras
56100 Kuala Lumpur, MALAYSIA
Tel : 03-9284 9448 / Faks : 03-9284 9105
e-mel: ampress@streamyx.com

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Biografi mufti-mufti Malaysia / Azman Ab Rahman ... [et al.].

ISBN 978-983-2950-81-3

1. Muftis (Muslim officials)--Malaysia--Biography. 2. Islam--
Functionaries--Malaysia--Biography. I. Azman Ab Rahman.
922.97595



Kandungan



<i>Setinta Puji</i>	vii
<i>Penghargaan</i>	ix
<i>Prakata</i>	xi
<i>Pendahuluan</i>	xv

Biografi Mufti-Mufti

Bab I : Johor Darul Takzim	1
Bab II : Kedah Darul Aman	15
Bab III : Kelantan Darul Naim	19
Bab IV : Melaka Negeri Bersejarah	43
Bab V : Negeri Sembilan Darul Khusus	49
Bab VI : Pahang Darul Makmur	53
Bab VII : Perak Darul Ridzuan	59
Bab VIII : Perlis Indera Kayangan	63
Bab IX : Pulau Pinang Pulau Mutiara	67
Bab X : Sabah Di Bawah Bayu	71
Bab XI : Sarawak Bumi Kenyalang	79
Bab XII : Selangor Darul Ehsan	85
Bab XIII : Terengganu Darul Iman	91
Bab XIV : Wilayah Persekutuan	107
<i>Kesimpulan</i>	119
<i>Rujukan</i>	121
<i>Indeks Nama</i>	125
<i>Indeks Tempat</i>	133



Setinta Puji



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang yang mengurniakan kepada manusia petunjuk, ilmu pengetahuan dan amalan kehidupan Islam yang *haq* lagi sebenar.


Buku “**Biografi Mufti-Mufti Malaysia**” adalah yang pertama seumpamanya dalam dunia penulisan tanah air. Ia merupakan hasil kerja keras para penulis dalam menghasilkan sumber ilmu dan sebagai menghargai jasa dan sumbangan Mufti-Mufti di Malaysia supaya disedari oleh umat Islam hari ini bahawa tanpa pengorbanan dalam mencari ilmu sewaktu zaman kepayahan, mustahil institusi fatwa di Malaysia boleh berada di tahap ini.

Usaha yang dilakukan oleh para penulis buku ini untuk menterjemahkan riwayat hidup, sumbangan, ikhtiar dan pedoman yang boleh diambil daripada Mufti-Mufti di Malaysia amatlah baik, harus dipuji dan perlu diberi perhatian.

Adalah diharapkan agar buku ini mendapat sambutan yang baik daripada pembaca yang benar-benar cintakan ilmu pengetahuan dan ingin mengenali tokoh ulama silam secara lebih dekat. Saya percaya, buku ini merupakan sumbangan yang besar kepada khazanah ilmu tanah air dan berharap agar para penulis meneruskan usaha juang mereka untuk menghasilkan banyak lagi buku pada masa akan datang.

Di atas usaha ini, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada semua penulis. Semoga niat yang baik ini diberkati dan dilimpahi rahmat oleh Allah SWT.

Salam hormat,



Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Hussin

Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan



Penghargaan



Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua kakitangan Jabatan Mufti seluruh Malaysia, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dan Allahyarham Ustaz Wan Mohamad Shaghir Abdullah kerana banyak membantu menjayakan penyusunan buku ini.

Kami juga ingin menyampaikan penghargaan kepada beberapa individu tertentu yang terlibat dalam penghasilan beberapa penulisan sama ada dalam bentuk buku, majalah, kertas kerja, artikel dan sebagainya yang hasil kajian mereka telah kami petik, rujuk atau gunakan dalam apa jua cara dalam menghasilkan buku ini.

Setinggi-tinggi terima kasih juga kepada keluarga dan para sahabat kerana tanpa galakan dan bantuan mereka, usaha ini mungkin tidak dapat dilaksanakan.



Prakata



Mufti merupakan orang yang memainkan peranan dalam menguruskan isu-isu yang berkaitan agama sama ada dari segi ibadat, muamalat, jenayat dan sebagainya. Peranan utamanya adalah sebagai pihak berkuasa kepada perkara-perkara yang berkaitan penentuan hukum Syarak dan sebagai penasihat dalam agama Islam umumnya. Di samping itu juga, mufti berperanan dalam memastikan umat Islam sentiasa melakukan perkara yang dibenarkan dalam Islam di samping menyebarkan fatwa yang berkaitan kehidupan mereka untuk menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Islam mengangkat martabat yang tinggi kepada para ulama, cendekiawan dan sarjana Islam termasuk mufti dalam menyebarkan ilmu demi kebaikan umat Islam di dunia ini. Manakala peranan institusi fatwa pula adalah merupakan sebahagian daripada institusi pentadbiran agama Islam di Malaysia. Ia merupakan sebuah institusi yang telah wujud semenjak Malaysia belum mencapai kemerdekaan lagi dan terlibat dengan pengeluaran fatwa sama ada diminta oleh kerajaan, pertubuhan atau individu tertentu.

Umumnya, kita dapat melihat buku-buku yang ada di pasaran menceritakan tentang kehidupan dan sumbangan ulama silam terhadap perkembangan perundangan Islam; terutamanya imam-imam yang masyhur seperti Imam Hanafi, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Hanbali. Ekoran itu, para penulis mendapati di Malaysia tidak terdapat secara khusus buku yang menceritakan tentang latar belakang mufti-mufti di Malaysia dan sumbangan mereka terhadap perkembangan perundangan Islam.

Setakat ini masih belum ada penulisan khusus yang menulis tentang sejarah latar belakang mufti-mufti di Malaysia dalam bentuk ensiklopedia atau himpunan bibliografi yang menyeluruh. Menurut maklumat yang diperolehi dari beberapa jabatan mufti, mereka tidak mempunyai simpanan khusus tentang maklumat-maklumat berkaitan mufti terutama sejarah mufti-mufti pada zaman permulaan penubuhan jabatan agama ataupun pejabat mufti. Malahan, ada yang mengatakan sebahagian latar belakang mufti-mufti tidak diketahui sejarahnya dan memerlukan kepada pengumpulan semula maklumat dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa buah buku yang menulis tentang sejarah mufti secara berasingan dan kebanyakan daripada tajuknya berkaitan ulama-ulama di sesebuah negeri. Antaranya, buku "*Ulama Terengganu Suatu Sorotan*" yang ditulis oleh Muhammad Abu Bakar. Secara umumnya buku ini menerangkan sejarah ulama-ulama di Terengganu. Penulis telah menyentuh beberapa perkara dalam karyanya seperti sejarah dan kebangkitan ulama Terengganu, pengasasan pengajian Islam dan sekolah pondok serta ulama dan pemupukan kehidupan beragama yang ada menyentuh tentang sejarah dua orang mufti di Terengganu iaitu Syeikh Hassan Yamani dan Syed Yusuf Ali Al-Zawawi dan sumbangan mereka terhadap perkembangan Islam di Terengganu. Walaupun buku ini ada membincangkan perihal kehidupan dua orang tokoh mufti di Terengganu, namun masih terdapat beberapa perkara yang perlu ditambah dan dibincangkan dalam bentuk yang lebih khusus. Hal ini adalah kerana, buku ini ditulis bukan secara khusus berkaitan sejarah mufti di Malaysia tetapi sekadar sorotan tentang ulama-ulama di Terengganu. Maka bertepatanlah dengan usaha yang ingin dilakukan oleh penulis untuk menghimpunkan tentang sejarah mufti-mufti di Malaysia dalam bentuk yang lebih sistematik dan tersusun.

Buku riwayat hidup tokoh-tokoh ulama Kelantan yang dikeluarkan oleh Yayasan Islam Kelantan adalah merupakan himpunan tokoh-tokoh ulama dilahirkan di negeri Kelantan. Buku ini menceritakan seramai 60 orang tokoh-tokoh ulama yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan Islam di Kelantan. Daripada bilangan ini, seramai enam orang adalah mereka yang pernah menjawat jawatan sebagai Mufti negeri Kelantan. Walaupun buku ini banyak mengisahkan latar belakang tokoh-tokoh ulama di Kelantan, namun ianya masih tidak merangkumi kesemua sebelas mufti yang pernah dilantik. Oleh itu, usaha penulisan ini amatlah diperlukan untuk mengumpulkan bukan latar belakang semua mufti di negeri Kelantan malahan merangkumi semua mufti di Malaysia.

Terdapat karya-karya lain yang hanya menyentuh institusi fatwa di Malaysia seperti buku yang bertajuk *Fatwa di Malaysia* oleh Ahmad Hidayat Buang. Buku ini mengandungi sepuluh artikel yang berkaitan fatwa, penguatkuasaan fatwa, pentadbiran jabatan mufti dan cara pemprosesan fatwa. Buku ini juga menyentuh perkara yang berkaitan fatwa dan kaitannya dengan masyarakat serta beberapa analisis fatwa di Malaysia. Walaupun buku ini banyak membincangkan tentang perkara-perkara berkaitan fatwa, namun tidak ada satu penulisan pun yang membincangkan latar belakang mufti-mufti yang dilantik di seluruh negeri di Malaysia. Hal ini

menunjukkan bahawa penulisan ini amat penting bagi menonjolkan ulama-ulama di Malaysia terutama mereka yang pernah dilantik jawatan mufti.

Di samping itu juga, terdapat sebuah buku yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang yang bertajuk Fatwa membincangkan secara ringkas tentang sejarah kedatangan Islam ke Pahang, sejarah ringkas fatwa dan mufti, biodata mufti-mufti negeri Pahang dan beberapa fatwa terpilih yang telah diwartakan di antara tahun 1988 hingga 1998. Buku ini menyebut latar belakang tujuh orang mufti di negeri Pahang. Namun, maklumat mufti kedua dan ketiga terlalu ringkas yang memerlukan kepada perolehan data yang lengkap untuk mengemaskininya. Di sini jelas menunjukkan bahawa usaha yang murni ini perlu diteruskan supaya semua maklumat mufti dapat dikumpulkan dalam sebuah buku yang khusus yang merangkumi semua mufti di Malaysia.

Terdapat juga satu artikel yang bertajuk Instrumen Fatwa dalam Perkembangan Perundangan Islam yang ditulis oleh Mohd Daud Bakar dalam Jurnal Syariah Universiti Malaya ada membincangkan tentang definisi fatwa, kaedah pengeluaran fatwa dan perbezaan antara fatwa, fiqh dan qada'. Di samping itu juga, penulisan menekankan tentang kepentingan penyertaan ulama atau mufti dalam aktiviti pengeluaran fatwa dan peranan mereka dalam memastikan keadilan, keamanan dan keharmonian masyarakat. Akan tetapi penulisan ini tidak membicarakan sumbangan setiap mufti secara terperinci dalam perkembangan ilmu, aktiviti kemasyarakatan dan penerbitan.

Selain itu, terdapat buku yang bertajuk Mufti dan Fatwa di Negara-negara ASEAN yang disunting oleh Abdul Munir Yaacob dan Wan Roslili. Buku ini merupakan himpunan kertas kerja daripada seminar yang melibatkan mufti-mufti di ASEAN yang mengandungi isu-isu berkaitan dengan fatwa seperti definisi dan kategori mufti. Buku ini juga membincangkan kedudukan fatwa dari sudut perundangan dan peranannya dalam sesebuah negara. Hal ini menunjukkan penulisan ini masih membincangkan pentadbiran fatwa di ASEAN tanpa memperincikan individu-individu mufti yang dilantik di Malaysia.

Justeru, penulisan biografi mufti-mufti seluruh Malaysia ini diharap mendapat sokongan yang sepenuhnya daripada semua pihak untuk menaikkan martabat Islam itu sendiri di samping menyampaikan maklumat tentang sejarah ilmuwan-ilmuwan Islam di Malaysia dan sebagainya. Di dalam buku ini, biografi yang ditulis adalah berkenaan latar belakang diri, pendidikan, sumbangan dan khidmat masyarakat mufti yang dilantik secara rasmi. Mereka yang memegang jawatan sebagai Pemangku Mufti,

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Mursyidul Am, Penasihat Agama Negeri ataupun Syeikhul Islam tidak akan disenaraikan walaupun memiliki bidang kuasa yang hampir sama. Sebagai contoh, negeri Selangor telah menggunakan istilah “Syeikhul Islam” kepada Tengku Setia Diraja Y.M. Raja Hj. Mahmud Zohdi b. Tengku Abdul Rahman (1935-1952) bagi mengetuai Bahagian Fatwa, Jabatan Agama Islam Selangor. Gelaran “Penasihat Agama” pula telah digunakan pada tempoh sebelumnya kepada beberapa tokoh seperti Sahibul Fadhilah Tuan Syeikh Abdul Ghani (1826-1857), Sahibul Fadhilah Tuan Hj. Jaafar bin Hj. Abdullah (1885-1887) dan Tuan Syeikh Ahmad bin Mahyiddin (1888). Negeri Kedah juga telah menggunakan beberapa istilah sebelum gelaran mufti diperkenalkan pada tahun 2000 seperti Syeikh Al-Islam, Majma Syeikh al-Islam dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa. Tokoh-tokoh yang pernah bergelar “Syeikh al-Islam” ialah Syeikh Muhamad Khayat (1901-1903), Syeikh Syed Abdullah Dahlan (1904-1905) dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidik (1906-1935). Gelaran “Majma Syeikh al-Islam” pernah dipertanggungjawabkan kepada Qadi Besar Syeikh Ahmad Wakas, Syeikh Mahmud Mohd Noh dan Haji Abdul Rahman Abdul Latif. Manakala tokoh-tokoh yang pernah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah adalah seperti Haji Abdul Rahman Haji Abdul Latif (1965), Tuan Syeikh Mahmud bin Haji Noh (1966), Dato’ Syeikh Abdul Halim Haji Othman (1967-1973), Dato’ Paduka Syeikh Abdul Majid Mohd Noor (1973-1978), Dato’ Haji Abdul Rahman Abdullah (1979-1987) dan Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman (1988-2000). Semoga langkah ini diberkati Allah hendaknya dan diharap permulaan ini akan menjadi pendorong kepada penulis-penulis yang lain untuk meneruskan komitmen yang serupa.

Penulis

Azman Ab Rahman

Zahari Mahad Musa

Nik Salida Suhaila Nik Saleh

Dr. Adel M. Abdul Aziz



Pendahuluan



Sebagai salah sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi, Malaysia turut subur dengan kelahiran tokoh-tokoh ulama yang terdiri daripada Mufti dan bekas Mufti sama ada sebelum dan selepas merdeka. Ulama Islam Melayu seperti Sheikh Wan Ahmad Muhammad Zain al-Fatani, Datuk Syed Salim bin Ahmad Al-Attas, Tuan Haji Othman bin Haji Senik, Sheikh Haji Ahmad bin Sheikh Mohd. Said, Dato' Paduka Syeikh Abd. Majid bin Mohd. Noor, Abdullah Fahim, Syeikh Uthman Jalaluddin, Tok Kenali dan ramai lagi berjaya membentuk tradisi keilmuan orang Melayu pada zaman mereka.

Mufti mempunyai tugas yang begitu berat pada zaman alaf baru ini. Mufti memainkan peranan utama untuk memberikan kekuatan serta imej yang baik terhadap umat Islam. Kegagalan mereka bererti kegagalan dan kerugian Islam.

Nabi Muhammad SAW, sebagai contoh, merupakan manusia unggul, pemimpin agung yang juga pendidik paling berjaya dalam sejarah umat manusia. Didikan secara langsung yang diamalkan oleh Rasulullah berjaya melahirkan kumpulan ulama yang terdiri daripada para sahabat seperti Abu Bakar as-Siddiq, Umar al-Khatab, Uthman Affan, Ali Abi Thalib, Abdul Rahman Auf, Ubai Ka'ab, Abdullah Mas'ud, Muaz Jabal, Ammar Yasir, Huzaifah, Salman al-Farsi, Zaid Thabit, Abu Musa dan Abu Darda.

Di Malaysia, institusi fatwa adalah badan hukum tertinggi dan berautoriti bagi negeri-negeri. Institusi fatwa merupakan satu institusi yang telah lama wujud di negara ini, di mana fatwa merupakan salah satu sumber perundangan Islam di Malaysia selain daripada enakmen-enakmen dan undang-undang bertulis. Bagi menentukan institusi ini berfungsi sebagaimana yang sewajarnya, kerajaan-kerajaan negeri telah mula mengasingkan pentadbiran institusi ini daripada majlis agama Islam negeri atau jabatan agama negeri dan Mahkamah Syariah di negeri masing-masing.

Institusi fatwa mempunyai peranan dan tanggungjawabnya yang tersendiri untuk menyelesaikan apa-apa persoalan mengenai hukum syara' serta menjelaskan kekeliruan dan kesamaran sesuatu hukum yang timbul di dalam masyarakat bagi membolehkan umat Islam mengamalkan ajaran-ajaran Islam dengan lebih sempurna berpandukan fatwa tersebut.

Selain itu, institusi fatwa juga memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan Islam di Malaysia. Secara hakikatnya, peranan fatwa yang dibuat oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa/Jawatankuasa Syariah begitu luas dengan melalui ijtihad yang dibenarkan oleh syara'. Ijtihad begitu relevan dan penting kepada setiap Mufti dan Jawatankuasa Fatwa/Jawatankuasa Syariah dalam memainkan peranan serta menjalankan tugas di alaf baru ini yang penuh dengan cabaran-cabaran berat dan hebat, serta dihujani dengan segala persoalan sama ada yang berkaitan ibadat, muamalat, budaya dan sebagainya yang memerlukan jawapan dan penyelesaian yang bijak berdasarkan dalil syara'.

Buku Biografi Mufti-Mufti Malaysia ini dirancang pada awalnya untuk mengumpulkan riwayat hidup, sumbangan dan khidmat setiap ulama yang pernah bergelar mufti di Malaysia. Tujuannya, supaya generasi hari ini dapat menghargai dan mencontohi apa yang pernah para mufti terdahulu lakukan dalam proses pengajian mereka sehinggalah berjaya mencurahkan pengetahuan agama yang luas dan mendalam kepada masyarakat Malaysia.

Biografi para mufti di dalam buku ini disusun mengikut abjad negeri-negeri di Malaysia untuk memudahkan pembaca mendapatkan maklumat. Seramai 92 orang mufti telah dapat direkodkan meliputi negeri-negeri di Malaysia termasuklah mufti bagi Wilayah Persekutuan daripada sebelum merdeka sehingga terkini. Fokus diberikan kepada latar belakang diri dan pendidikan beserta sumbangan dan khidmat kepada masyarakat. Dalam usaha mendapatkan fakta dan bahan penulisan untuk buku ini, para penulis menghadapi kekangan ketiadaan sumber maklumat yang boleh membantu melengkapkan penulisan. Oleh sebab itu, terdapat seramai 16 orang mufti yang tidak mempunyai rekod dalam penulisan ini. Mereka ialah:

- | | | |
|----|--|--------------|
| 1. | Datuk Syed Salim b. Ahmad Al-Attas
Mufti Pertama (1896M-1899M) | Johor |
| 2. | Tn. Hj. Abas b. Taha
Mufti Kedua (1939M-1950M) | Pahang |
| 3. | Datuk Haji Adnan Hj. Hashim
Mufti Pertama (1969M-1981M) | Pulau Pinang |
| 4. | Tuan Hj. Abdul Rashid Hj. Hashim
Mufti Kedua (1982M- tiada rekod) | Pulau Pinang |

- | | | |
|-----|--|--------------|
| 5. | Dato Haji Muhammad Hj. Hashim
Mufti Ketiga (1991M-1993M) | Pulau Pinang |
| 6. | Tuan Hj. Muhamad Zain Muhamad Amin
Mufti Pertama (1935M-1941M) | Perak |
| 7. | Tuan Hj. Ismail Haji Hamzah
Mufti Kedua (1941M-1954M) | Perak |
| 8. | Tuan Hj. Muhamad Tahir Muhamad Saman
Mufti Ketiga (1955M-1957M) | Perak |
| 9. | Tuan Hj. Sha'ya Abdul Majid
Mufti Keempat (1957M-1963M) | Perak |
| 10. | Dato Haji Abu Hassan Abdul Majid
Mufti Kelima (1963M-1977M) | Perak |
| 11. | Dato' Seri Haji Abdul Malek Haji Nordin
Mufti Ketujuh (1981M-1985M) | Perak |
| 12. | Datuk Haji Mohamad Hj Ahmad
Mufti Pertama (1974M-1977M) | Sabah |
| 13. | Datuk Haji Ahmad Idris
Mufti Ketiga (1980M-1983M) | Sabah |
| 14. | Datuk Hj. Ismail Abbas
Mufti Kelima (1988M-1999M) | Sabah |
| 15. | Sheikh Mahmod b. Hj. Muhamad Samah
Mufti Pertama (1941M-1945M) | Perlis |
| 16. | Ustaz Salleh b. Othman
Mufti Kedua (1945M-1970M) | Perlis |

Buku ini merupakan satu langkah dan usaha untuk memperkenalkan mufti-mufti yang pernah dilantik di setiap negeri di Malaysia terutama yang terdahulu kepada generasi hari ini dan mengenang sumbangan mereka

yang bertanggungjawab memutuskan sesuatu hukum berkaitan isu-isu atau perkara baru yang tidak dinyatakan dalam sumber asal perundangan Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Buku ini juga ditulis dengan iltizam yang tinggi untuk mengenang jasa dan pengorbanan mufti-mufti memandangkan belum ada penerbitan berkaitan biografi mufti-mufti Malaysia. Usaha ini dilihat sebagai permulaan dan langkah awal ke arah pengumpulan riwayat hidup ahli-ahli agama di Nusantara ini, sekaligus mendorong komitmen para penulis untuk menulis dan menerbitkan buku yang sedemikian.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat fakta atau maklumat tambahan yang berkaitan latar belakang, pendidikan dan sumbangan setiap mufti, maka para penulis amat mengalu-alukan sebarang komen atau pembetulan daripada pembaca untuk tujuan usaha penulisan dan penerbitan yang lebih mantap dan terperinci pada masa akan datang.



Kesimpulan



Berdasarkan kepada usaha yang telah dilakukan oleh para penulis, beberapa maklumat sebagai kesimpulan umum telah dapat diperolehi. Antaranya ialah maklumat tentang mufti yang paling lama dan paling singkat berkhidmat serta maklumat mufti yang pernah berkhidmat lebih daripada sekali. Para penulis telah mendapati bahawa Negeri Terengganu merupakan negeri yang paling ramai bilangan mufti sehingga ke hari ini, iaitu seramai 16 orang.

Maklumat lain yang diperolehi mengenai mufti yang paling lama berkhidmat ialah Dato' Haji Ahmad Maher bin Haji Ismail Al-Azhari, iaitu Mufti Ketujuh Negeri Kelantan selama 27 tahun dari 1941 sehingga 1968 Masehi. Manakala yang paling singkat dalam perkhidmatan ialah Tuan Haji Khalil bin Haji Husin, iaitu Mufti Pertama Negeri Melaka yang hanya berkhidmat selama dua bulan sebelum meninggal dunia.

Terdapat tiga orang mufti yang pernah dilantik sebanyak dua kali iaitu Dato' Syed Alwe bin Tahir Al-Haddad dari Negeri Johor (1934 – 1941 & 1947 – 1961), Tuan Haji Said bin Hj. Ibrahim dari Negeri Sabah (1975 – 1978 & 1985 – 1989) dan Sheikh Hassan Said Al-Yamani dari Negeri Terengganu (1940 – 1943 & 1945 – 1952). Selain daripada itu, didapati juga Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji Ghazali bin Haji Abdullah merupakan satu-satunya mufti yang pernah dilantik oleh dua negeri yang berasingan iaitu sebagai Mufti Negeri Selangor (1968 – 1973) dan Mufti Negeri Perak (1977 – 1981).

Secara umumnya, latar belakang yang baik dan pendidikan agama yang mantap menjadi teras kewibawaan seseorang mufti yang telah dilantik. Hampir kesemua mufti yang dilantik telah mendapat pendidikan agama yang mapan sama ada secara pendidikan tradisional mahupun pendidikan formal di universiti.

Semoga maklumat dan fakta yang dijelaskan ini dapat memberi gambaran tentang ketokohan dan sumbangan mufti-mufti terhadap perkembangan ilmu dan kemajuan institusi fatwa di Malaysia kepada generasi masa kini dalam mengenang jasa mereka.



Rujukan



- Alias Muhammad Noor. 2000. *Tokoh-tokoh Ulamak Kelantan Darul Naim*. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.
- Anwar Fakhri & Farid Mat Zain. 2003. *Peranan Haji Said Haji Ibrahim dalam Perundangan Islam di Nusantara*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Hasan Saleh & Muhammad Nur Manuti. 1980. *Tuan Mufti As-Sheikh Al-Haj Ahmad bin Al-Sheikh Muhamad Said Al-Dandarawi (1910-1964)*. Buku Cenderamata Memperingati Tokoh Ulama Silam Yang Ke-V. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Salleh & Muhammad Nur Manuti. 1993. *Al-Syekh Ahmad bin al-Syekh Muhammad Sa'id Jamaluddin al-Dandarawi. Ulama Silam Dalam Kenangan*. Ismail Mat (pnyt) Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibnor Azli Hj Ibrahim. 2003. *Tuan Hj Said bin Hj. Ibrahim dan Sumbangannya dalam Perkembangan Dakwah dan Ilmu Pengetahuan*. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara II. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM (atas talian) <http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1312&mode=thread&order=0&thold=0>. 27 November 2007.
- Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM (atas talian) <http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=index&catid=&topic=14&recfrom=20>. 19 November 2007.
- Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM. (atas talian) <http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1279>. 26 November 2007.
- Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) USIM. (atas talian) <http://infad.kuim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=1310&mode=thread&order=0&thold=0>. 27 November 2007.
- Ismail Che Daud. 1992. *Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (1)*. Majalah Pengasuh. Bilangan 519.
- Ismail Che Daud. 1992. *Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan (2)*. Majalah Pengasuh. Bilangan 520.

- Ismail Che Daud. 1994. *Satu Abad Mufti-mufti Kerajaan Kelantan*. Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan: Warisan Kelantan XIII. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Ismail Che Daud. 1996. *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (2)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Che Daud. 2001. *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ismail Mat & Ideris Endut. 1993. *Haji Yusuf Shahabuddin*. dalam *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Ismail Mat (penyunting). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Restu. 1999. *Syeikh Abdul Majid: Ulama Kedah yang dihormati*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Mufti Negeri Johor. Dokumen Jabatan daripada Cik Afrizah Jamil. Rabu 12 Julai 2006 dan Laman Web Jabatan Mufti Johor (atas talian) http://www.johordt.gov.my/mufti index.php?option=com_wrapper& Itemid=49. 26 November 2007.
- Jabatan Mufti Negeri Kelantan. Dokumen Jabatan. No Surat: PM. (KN) 01/03:08(43) 18 Julai 2006.
- Jabatan Mufti Negeri Melaka. 2007. (atas talian) http://www.al-azim.com/jmm/direktori/data_mufti.htm dan <http://www.al-azim.com/jmm/maklumat/sejarah.htm>. 2 Januari 2007.
- Jabatan Mufti Negeri Perak. 2006. (atas talian) <http://mufti.perak.gov.my/profil/profil.htm>. 26 November 2007.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis.
- Jabatan Mufti Negeri Sabah. Dokumen Jabatan, No Surat: PMNS: 500- 13/12 (267) 9 Januari 2007
- Jabatan Mufti Negeri Selangor Darul Ehsan. Dokumen Jabatan, No. Surat: Bil (29) dlm. Mufti Sel. 400-18. 19 Julai 2006
- Jabatan Mufti Negeri Sembilan. 2006. (atas talian) <http://www.mains.gov.my/>. 10 Disember 2006.
- Jabatan Mufti Negeri Terengganu. 2006. (atas talian) <http://mufti.islam.gov.my/terengganu/?strid=02> & Dokumen Jabatan daripada Pn. Zarohani bt Othman. Isnin 13 November 2006.
- Jabatan Mufti Pulau Pinang. 2006. (atas talian) <http://www.sukpp.gov.my/mufti/ss%20Mufti%20Penang.htm> & Dokumen Jabatan. No Surat: Bil (49) dlm JMN/PP/6/008-2Jld.4. 19 Julai 2006.
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Pahang. 1999. *Fatwa Negeri Pahang (1988 hingga 1998)*. Kuala Terengganu: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Meran Abu Bakar. Jun 1988. *Dato' Abdul Kader Talip: Anak Nelayan Yang Banyak Berbakti Terhadap Agama dalam Al-Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu. Bil 6.

- Meran Abu Bakar. November 1988. *Ustaz Abdul Halim Abdul Kadir: Anak-anak Perlu Dekatkan Diri Kepada Allah*. dalam *Al-Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu. Bil 11.
- Muhammad Abu Bakar. 1991. *Ulama Terengganu Suatu Sorotan*. Terengganu: Jawatankuasa Koleksi Terengganu dan Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhammad Yunan Mahmud. 1989. *Riwayat Hidup Tokoh-tokoh Ulama Kelantan*. Kota Bharu: Yayasan Islam Kelantan.
- Muhammad Yunan Mahmud. 2000. *Biodata Tokoh Pendidik Yayasan Islam Kelantan Dari Tahun 1979-2000*. Kota Bharu: Yayasan Islam Kelantan.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2007. (atas talian) http://www.muftiwp.gov.my/Melayu/pj_senmufti.htm. 1 Nombor 2007.
- Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. 2007. (atas talian) http://www.mykedah.com/20hall_fame/202c_menu.html. 2 Januari 2007.
- Tajuddin Saman. 1993. *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Tanpa Pengarang. Mac 1986. *Sheikh Mohsein Dalam Kenangan*. dalam *Al-Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu. Bil 3.
- Wan Mohd Shagir Abdullah. 2006. *Haji Wan Muhammad Al-Kalantani Mufti Kelantan yang ke-IV*. Utusan Malaysia. 3 April 2006.

Indeks Nama

- | | |
|--|--|
| <p>Abang Kob Legor 35</p> <p>Abd Halim Mahmood, al-Ustaz al-Akbar Dr. 7</p> <p>Abd. Jalil bin Hassan, Tan Sri Dato' 5</p> <p>Abdul Aziz, Haji 30</p> <p>Abdul Ghani 22</p> <p>Abdul Hamid, Haji 27</p> <p>Abdul Jalil, Haji 30</p> <p>Abdul Kader Talip, Tan Sri 112</p> <p>Abdul Kadir bin Hassan, Datuk Haji 79</p> <p>Abdul Malik bin Yusuf, Dato' Haji 50</p> <p>Abdul Manan Sabak, Haji 26</p> <p>Abdul Manan Sumatera, Haji 24</p> <p>Abdul Rahman Haji Othman, Haji 28</p> <p>Abdul Rahman Idris Sering, Haji 26</p> <p>Abdul Rahman Lubuk Jambu, Haji 24</p> <p>Abdul Rasyid, Tuan Haji 51</p> <p>Abdul Samad Gong Kala, Haji 35</p> <p>Abdul Samad Muhammad Salleh, Tuan Haji 23</p> <p>Abdul Wahab, Haji 34</p> <p>Abdul Wahid Haji Abdul Syukur, Haji 33</p> <p>Abdul Wahid Melaka, Haji 24</p> <p>Abdullah Abas Jitra, Haji 30</p> <p>Abdullah bin Haji Jalaludin bin Sultan Amir Kahar Budiman, Haji 20</p> <p>Abdullah bin Mohd Hassan, Dato' Haji 38</p> <p>Abdullah bin Musa, Dato' Haji 1</p> <p>Abdullah Noh Pasir Puteh, Maulana 24</p> <p>Abdullah Sudin, Haji 28</p> <p>Abdullah, Haji 27</p> <p>Abdullah, Imam Haji 21</p> | <p>Abu Bakar bin Mat Yasin, Tuan Haji 54</p> <p>Abu Bakar, Tuan Haji 44</p> <p>Abu Hassan al-Hafiz, Dato' 33</p> <p>Abu Hassan Lebai Din 33</p> <p>Ahmad Alawi bin Haji Adnan, Datuk Haji 76</p> <p>Ahmad al-Dandraw 23</p> <p>Ahmad bin Awang, Dato' Haji 10</p> <p>Ahmad Hafiz, Haji 34-35</p> <p>Ahmad Haji Yusof bin Haji Abdul Halim, Haji 31</p> <p>Ahmad Hakim, Haji 29, 35</p> <p>Ahmad Long, Hj. 67</p> <p>Ahmad Maher bin Haji Ismail Al-Azhari, Dato' Haji 29</p> <p>Ahmad Maher, Haji 35</p> <p>Ahmad Othman Kodiang, Haji 30</p> <p>Ahmad Rastom, Dato 29</p> <p>Ahmed Maher, Haji 24, 35</p> <p>Ainon Abdul Ghani, Datin Seri Hajjah 60</p> <p>Ali Pulau Pinang, Haji 35</p> <p>al-Sheikh Nawawi, Imam 92</p> <p>al-Syahid Haji Sulong Patani 28</p> <p>al-Syed Ahmad bin Hassan al-Attas 95</p> <p>al-Syeikh Jaafar al-Katani 95</p> <p>Anis bin Haji Abot, Dato' Sri Haji 81</p> <p>Asaad Haji Muhd Said, Haji 22</p> <p>Assad Kangkung, Haji 35</p> <p>As-Syeikh Hj. Abdul Halim 100</p> <p>Awang Beta, Haji 30</p> <p>Ayub Kemboja, Haji 24</p> <p>Azizah 71</p> |
|--|--|

Balkis binti Musa, Datin 67

Chair Pak Ya (Yahya) Reman 32

Che Abdul Rahim 27

Che Abdul Rahman 27

Che Abdullah 27

Che Ahmad 21

Che Aishah 30

Che Bakar 21

Che Bidah 27

Che Harun, Allahyarham Tok Imam 33

Che Hawa binti Che Muhammad, Hajah 35

Che Idris bin Haji Che Hassan, Dato' Haji 26

Che Ismail, Haji 21

Che Kar Kampung Laut, Haji 28

Che Kelthom (Che Som) binti Muhammad Salleh bin Imam Haji Abdullah 22

Che Leh Ketam 21

Che Leh Penambang/Kampung Laut, Haji 28

Che Mas binti Che Mamat 22

Che Minah, Hajah 21

Che Muhammad Salleh 21

Che Ngah 27

Che Sofiah 27

Che Som binti Hj Othman, Hajah 30

Che Sulaiman, Hj. 21

Che Tom Che Idris, Hajah 27

Che Yaakub, Haji 27

Che Zain binti Haji Abdul Hamid 21

Che Zainab 27

Che Zainab Bilal Jazan 43

Che Zainab binti Hj Che Lah, Hajah 30

Cik Samad Kampung Laut, Tok Imam Haji 19

Daud Ahmad, Lebai 26

Daud al-Ahmadi, Haji 30

Daud Kampung Menuang, Haji 19

Engku Alwi bin Engku Haji Ambak, Dato' 98

Faezah 71

Fakeh Ali 91

Fatimah bt Majot, Hajah 46

Fatimah Hashim, Puan Seri Hajjah 105

Gamal Abdul Naser 37

Ghazali bin Haji Abdullah, Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji 86

Ghazali bin Haji Abdullah, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji 59

Guru Husin Yamani 44

Halimah Haji Sulaiman 43

Hamid bin Boto', Tok Lebai 33

Hamzah Yunus Padang Bemban, Haji 26

Hanifah binti Haji Mohd. Zen, Datin Hajjah 80

Haris Saleh, Dato' 72

Harussani bin Hj. Zakaria, Dato' Seri (Dr.) Hj. 60

Hasan bin Haji Sail, Dato' Haji 50

Hassan bin Haji Abu Bakar, Tuan Haji 44

Hassan bin Haji Ahmad, Dato' Haji 68

Hassan bin Hj. Omar, Sahibus Samahah Dato' Seri Utama Diraja Dato' Hj. 88

Hassan bin Yunus, Tan Sri Datuk Haji 4

Hassan Ketereh, Allahyarham Tuan Guru Haji 34

Hassan Yunus, Allahyarham Tan Sri Datuk Haji 8

Hassan Yunus, Dato' Haji 3

Hilmi 71

Hishamuddin, Sultan 86

Husin Haji Wahid, Haji 43

- Husni 71
Hussin Hafiz, Haji 30, 34
- Ibrahim bin Haji Muhammad Ali, Tuan Haji 54
Ibrahim bin Haji Muhammad Yusuf, Dato' Haji 27
Ibrahim Haji Yusuf (Tok Raja), Haji 22
Ibrahim Ibni Almarhum Sir Abu Bakar, Almarhum Sultan Sir 3
Ibrahim Mahmud, Ustaz 33
Ibrahim Tok Raja, Haji 27
Ibrahim, Haji 31
Ibrahim, Mufti Haji 24
Isa Kepelu, Lebai 30
Ishak bin Hj. Baharom, Dato' Seri Utama Diraja Dato' 88
Islam Haji Senik, Haji 24
Ismail bin Haji Yusuf, Dato' Haji 34
Ismail bin Yahya, Dato' Haji 103
Ismail Che Chik, Haji 22
Ismail Haji Senik, Haji 29
Ismail Kampung Chetok, Haji 21
Ismail Kubang Sepat, Allahyarham Haji 33
Ismail Lundang Paku, Haji 24
Ismail Mahmud 33
Ismail Nik Mat, Haji 26
Ismail Sungai Bayur, Lebai 34
Ismail, Haji 28, 30
Ismail, Lebai 27
Ismail, Sultan 30
- Jaafar, Haji 28
- Kalsom bt Haji Abdul Wahab, Hajjah 45
Kasim Betawi 25
Kechik Haji Said, Haji 22
Kemuning Tua, Tok 19
Kemuning, Tok 24
Khalil bin Haji Husin, Tuan Haji 43
- Ku Paloh, Tok 94
Kubang Bunut, Tok Ayah 36
- Lela Muda, Dato' 22
Loling Othman bin Haji Alwi, Datu Haji 83
Long Senik bin Sultan Muhammad III 21
- Mahathir Mohamad, Tun Sri Dr. 73
Maimunah binti Dahlan, Hajjah 32
Mat Jahya bin Hj. Hussin, Dato' Alim Panglima Hj. 63
Md Saleh, Hj. 46
Md. Hashim Yahya, Datuk Hj. 113
Md. Salleh bin Hassan Farid, Dato' Seri Utama DiRaja Dato' Haji 87
Megat Othman bin Ali 32
Melor binti Musa 67
Mohamad Said bin Muhammad, Haji 28
Mohamad Zubir bin Haji Awang, Dato' Dr. Haji 102
Mohammed Yusoff bin Hussain, Dr. 114
Mohd Abd Rauf, Dr. 6
Mohd Asri bin Zainul Abidin, Dr. 64
Mohd Murtadza bin Haji Ahmad, Dato' Haji 51
Mohd Yatim Haji Mohamad Zain, Haji 45
Mohd. Mortadza bin Haji Daud, Datuk Haji 80
Mohd. Tamyas bin Abd. Wahid, Dato' Seri Utama Diraja Dato' Haji 89
Mokhtar Ismail, Haji 30
Muhamad Hilmi 35
Muhamad Husni Mubarak 7
Muhamad Noor, Haji 29
Muhamamd Yusuf Ahmad, Haji 28
Muhammad Abu Bakar al-Kelantani, Imam Haji 26

- Muhammad Ali Haji Harun, Ustaz 37
Muhammad bin Che Wok, Dato' Haji 36
Muhammad IV, Sultan 20-25
Muhammad Ketiga, Sultan 21
Muhammad Noor bin Haji Ibrahim, Dato' Haji 31
Muhammad Noor Salleh, Ustaz 30
Muhammad Nur Kedai Mulong, Haji 27
Muhammad Saad, Haji 27
Muhammad Said, Tok Khatib Haji 19
Muhammad Salleh Haji Harun 28
Muhammad Taib bin Haji Hassan, Dato' Haji 55
Muhammad Tok bin Abu Bakar, Tok Kadi Haji 25
Muhammad Zain Kedah, Haji 28
Muhammad Zain Kedah/Meranti, Haji 24
Muhammad, Sultan 92
Muhd Yusuf bin Ahmad (Tok Kenali), Haji 22
Muhsin Syeikh Ahmad 33
Musa bin Haji Abdul Samad, Haji 23
Nabila Al Sadat, Dr. 107
Naily Siham bt. Abu Salim, Datin 116
Naimah bt Haji Jaafar, Hajjah 63
Nawawi, Haji 33
Ngah, Dato' Seri Amar DiRaja Hj. 94
Ngah Muhammad bin Yusuf, Dato' Haji 24
Nik Abdullah 22
Nik Abdullah, Haji 24
Nik Abdullah, Tok Khatib Haji 29
Nik Aisyah 22
Nik Aminah, Hajah 22
Nik Daud Tanah Merah, Haji 24
Nik Embon binti Nik Mat 21
Nik Embong 21
Nik Haji Yahya Nik Abdul Rahman 22
Nik Hassan 22
Nik Jid, Haji 34
Nik Lah, Tok Khatib Haji 23
Nik Mahmud Haji Ismail, Haji 28
Nik Mahmud, Haji 24
Nik Man Lorong Che Su, Haji 31
Nik Mar 19
Nik Mat Alim Pulau Melaka, Haji 24
Nik Mat bin Nik Yusuf, Haji 22
Nik Mat Nazir, Haji 24
Nik Muhammad Mahiyuddin, Haji 24
Nik Muhammad Salleh, Haji 24
Nik Othman Abdul Karim Muhammad Salleh, Haji 26
Nik Othman Kampung Amir, Haji 28
Nik Soh Langgar, Haji 24
Nik Som Muhammad 22
Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman, Haji 19
Nik Yah Hj. Raja Deraman 71
Nik Zainab binti Hj Othman, Hajah 32
Nik Zainab, Hajah 22
Nik Zubaidah Nik Mud 22
Noh Ahmad, Haji 22
Nooh bin Gadot, Dato' Haji 11
Noraini bt. Mohd Said, To' Puan Hajjah 103
Nursiah binti Hj. Sabran, Datin 89, 110
Othman bin Haji Senik (Haji Montok), Tuan Haji 53
Othman Bukit Besar, Haji 34
Othman Haji Muhammad, Haji 28
Othman Yunus Bukit Besar, Haji 30
Pairin Kitingan, Dato' 73
Paizah dan Hasniah 35
Pak Cik Musa 26
Pak Dor Ail Fatani 32
Pak Noh bin Idris 33
Pak Wan Mahmud 19

- Rahim bin Yunus, Dato' Haji 8
 Raja Muda Tengku Zainal Abidin bin
 Tengku Kundor 20
 Rashid Redza bin Haji Md. Saleh,
 Datuk Hj. 46
 Relai Pahang 34
 Rohana Omar, To' Puan Hajjah 101
 Rohani Binti Haji Alwi, Datin Hajjah
 83
 Saad Kangkong, Haji 24
 Sabri 71
 Said bin Hj. Ibrahim, Tuan Haji 71
 Saidi Ibrahim al-Rashid 25
 Salehuddin Omar 33
 Senik Seligi, Haji 19
 Seri Indera, Tengku 20
 Shahnaz Al Sadat 107
 Sharifah Zaharah Syed Mohd Salleh al-
 Kadri 96
 Sheikh Abdul Hamid Syurwani 92
 Sheikh Abdul Mohsein bin Haji Saleh,
 Tan Sri 107
 Sheikh Abdul Rahim bin Ibrahim Al-
 Samanudi, Tuan Haji 54
 Sheikh Haji Ahmad 50
 Sheikh Haji Ahmad bin Sheikh Mohd
 Said 49
 Sheikh Hasbullah bin Hj. Abd Halim,
 Dato' 17
 Sheikh Hj. Md. Yunus bin Hj. Mohd
 Yatim, Datuk 45
 Sheikh Mokhtar al-Atar 44
 Sheikh Omar Sembawa 44
 Sheikh Othman bin Haji Ibrahim, Dato'
 110
 Shukran Hilmi Al Sadat 107
 Sidek bin Haji Ariffin, Dato' Haji 54
 Sikmah binti Saeman, Hajjah 45
 Siti Fatimah Bugo, Datin Sri Hajjah 81
 Sofiyah bt Haji Saleh, Hajjah 49
 Sohair, Datin 112
 Sulaiman bin Haji Ahmad, Dato' Haji
 56-57
 Sulaiman Wan Abdul Rahman 26
 Sulong Fatani, Haji 32
 Sultan Ahmad 20
 Sultan Ahmad, Al-Marhum 53
 Sultan Ibrahim 31
 Sultan Ismail 30
 Sultan Mahmud al-Muktafi Billah
 Shah, Almarhum 100
 Sultan Mansor 21
 Sultan Mansur 19-20
 Sultan Muhamad I 19
 Sultan Muhamad Ketiga 21
 Sultan Muhammad IV 20-21, 24-25
 Sultan Omar 92-93
 Sultan Sir Ibrahim 3
 Sultan Sulaiman Badru Alam Shah 94
 Sultan Yahya Petra 31
 Syaraff Al Sadat 107
 Syed Abdul Kadir bin Mohsin Al-Attas,
 Datuk 1
 Syed Abdullah Ali Al-Zawawi 96
 Syed Ahmad b. Hassan al-Attas 3
 Syed Alawi 35
 Syed Alwe bin Tahir Al-Haddad, Dato'
 2, 4
 Syed Alwe, Dato' 3
 Syed Alwee bin Abdullah Al-Haddad,
 Datuk 9
 Syed Amin 35
 Syed Hussein bin Muhammad al-
 Habsyi 95
 Syed Muhammad bin Zainal Abidin
 (To'ku Tuan Besar) 93
 Syed Muhammad bin Zainal Abidin Al-
 Idrus 92
 Syed Umar Al-Mudi 3
 Syed Yusuf 97
 Syed Yusuf bin Ali Al-Zawawi 96

- Syeikh Abd Majid bin Mohd Noor,
Dato' Paduka 15
- Syeikh Abdul Hamid 21-22
- Syeikh Abdul Kadir Bukit Payas 91,
93
- Syeikh Abdul Rahim 27
- Syeikh Abdul Rahim Idris al-Kelantani
26
- Syeikh Abdul Rahman bin Abdullah
Siraj 95
- Syeikh Abdul Rahman bin Muhammad
Ali al-Fatani 28
- Syeikh Abdullah Muhammad Basmeh
34
- Syeikh Abdullah Singgora 32
- Syeikh Ahmad 25
- Syeikh Ahmad al-Marzuqi 91
- Syeikh Ahmad Idris 25
- Syeikh Azmi bin Ahmad, Dato' 67
- Syeikh Daud Sulaiman al-Kelantani 30
- Syeikh Duyong 91
- Syeikh Haji Omar Sembawa 43
- Syeikh Hasbullah 22-23
- Syeikh Hassan 95
- Syeikh Hassan al-Masyat 35
- Syeikh Hassan Said Al-Yamani 95
- Syeikh Hussin al-Palembani 35
- Syeikh Hussin al-Yamani 35
- Syeikh Ismail al-Nuwwab 25
- Syeikh Muhammad 23
- Syeikh Muhammad al-Arabi 35
- Syeikh Muhammad al-Azhari 24
- Syeikh Muhammad bin Bakhit al-
Hanafi 29
- Syeikh Muhammad Noor Fatani 32
- Syeikh Muhammad Rashid Ridza 23
- Syeikh Muhammad Salleh al-Kurdi 19
- Syeikh Muhammad Shalih bin Abdul
Rahman Pauh Bok al-Fathani 91
- Syeikh Muhammad Shalih bin Ibrahim
91
- Syeikh Muhammad Zain bin Faqih
Jalaludin Aceh 91
- Syeikh Noh Jamaluddin al-Kelantani
35
- Syeikh Noh Jamaluddin Kelantan 32
- Syeikh Othman Jalaludin Sering 26
- Syeikh Said bin Muhammad Al-Yamani
95
- Syeikh Said Yunani 8
- Syeikh Salleh Amin 19
- Syeikh Tahir Jalaluludin al-Azhari 22
- Syeikh Wan Abdul Kadir bin Abdul
Rahim 93
- Syeikh Wan Ahmad al-Fatani 22, 26
- Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad
Zain al-Fatani 19
- Syeikh Wan Ahmad Muhammad Zain
al-Fatani 23
- Syukri 71
- Taib Tok Besar, Tok Guru Haji 21
- Tengku Mahmud Zuhdi Fatani 32
- Tengku Mahmud Zuhdi Tengku Abdul
Rahman al-Fatani 23
- Tengku Salihah @ Tg. Adnan bt.
Muhammad 98
- Tengku Seri Indera 20
- Tok Ayah Kubang Bunut 35
- Tok Kenali 25-26
- Tok Khurasan, Maulana 29
- Tok Perigi 34
- Tok Seruji 25
- Tok Syeikh Duyong 97
- Tok Syeikh Duyung 93
- Tok Syeikh Kadir Bukit Payas 92-93
- Tuan Syeikh Duyong 93
- Tok Syeikh Qadi 91-92
- Tok Wan Ali Kutun 25
- Tuan Tabal 23, 25
- Ubaidullah al-Sindhi, Maulana 23

- Wan Abdul Hamid, Haji 22
 Wan Abdul Manan bin Haji Wan
 Yaakob, Haji 97
 Wan Abdul Rahman Seribung, Haji 24
 Wan Abdullah bin Mohamad Amin,
 Haji 93
 Wan Abdullah Khatib, Haji 23
 Wan Abdullah Mohamad Amin, Hj. 92
 Wan Ahmad Fatani 25
 Wan Ahmad Haji Awang Muhd Zain,
 Haji 22
 Wan Ahmad Haji Wan Abdul Halim,
 Haji 28
 Wan Ahmad, Haji 21
 Wan Ali Haji Abdul Rahman, Haji 25
 Wan Aminah binti Wan Ali, Hajah 30
 Wan Aminah binti Wan Daud 32
 Wan Daud, Haji 25
 Wan Embon 21
 Wan Fatimah binti Haji Wan Mohamad,
 Datin Hajjah 38
 Wan Ibrahim, Haji 22
 Wan Idris Tok Uban, Haji 28
 Wan Ishak 22
 Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah,
 Haji 20
 Wan Ishak, Haji 22, 28
 Wan Kalthum Haji Wan Mahmud,
 Hajah 27
 Wan Mahmod bin Wan Abdullah, Tuan
 Guru Haji 36
 Wan Mahmud Bomoh, Haji 26
 Wan Mamat Pasir Pekan, Haji 27
 Wan Minah binti Wan Ishak, Hajah 21
 Wan Mohamad, Hj. 94
 Wan Muhammad 21
 Wan Muhammad bin Haji Abdul
 Samad, Haji 25
 Wan Muhammad Nor, Haji Wan
 Ibrahim, Haji 22
 Wan Muhammad Wan Hassan
 Kemboja, Haji 28
 Wan Muhammad, Haji 22-23
 Wan Musa (Haji Nik Abdullah), Haji
 24
 Wan Musa Haji Abdul Samad Tuan
 Tabal, Haji 22
 Wan Musa, Haji 28
 Wan Musa, Mufti Haji 25
 Wan Nawang 26
 Wan Nik Daud Haji Wan Sulaiman,
 Haji 22
 Wan Noh 22
 Wan Omar, Tok Khatib Haji 19
 Wan Othman, Haji 19
 Wan Safiah 22
 Wan Taib, Haji 28
 Wan Zahidi bin Wan Teh, Dato' Hj. 116

 Yaakob bin Kundor, Haji 33
 Yaakob Lorong Gajah Mati, Haji 35
 Yaakub Kemubu, Haji 34
 Yaakub Lorong Gajah Mati, Haji 24,
 35
 Yaakub Nipah, Haji 28
 Yaakub Yusuf, Haji 26
 Yahya Junid Padang Lumat, Haji 30
 Yasa' Haji Salleh, Haji 22
 Yusof bin Sahabuddin, Dato' Seri
 Utama DiRaja Dato' Haji 85
 Yusri 71
 Yusuf Abdul Rahman, Haji 28
 Yusuf Ismail Lundang Paku, Haji 26
 Yusuf Kampung Cop, Haji 28
 Yusuf Kampung Laut, Haji 33
 Yusuf, Tuan Haji 85

 Zainal Abidin Ahmad 33
 Zainal Abidin III, Sultan 94
 Zikri 71
 Zorayah Hj. Mohd, Datin 46
 Zyed Al Sadat 107



Indeks Tempat



- Algeria 109
Alor Setar 15, 67
Arab Saudi 96, 98, 108
Arau 63, 67
Asia Tenggara 4
- Bachok 33
Bachok, Kampung Katong 22
Bagor 3
Bahrin 19
Bandar Dahrhan 96
Bandar Kota Bharu 26
Banting 89
Batu Buruk 99
Batu Pahat 5, 8
Belanda 109
Bentong 56
Besut 93, 101
Bogor Jawa 3
Brunei Darussalam 13, 73, 93
Bukit Bayas 91, 93
Bukit Mertajam 107
 Seberang Perai 89
- Cameron Highlands 56
Chabang Tiga Kuala Terengganu 92
Chenor 55
- Duyong Kecil 93
- England 109, 115
- Gombak 72
Gong Kemubu 35
- Greece 109
Guru Husin Yamani 44
- Habsyah 3
Hadril Maut 3
Hadrilmaut 9
 Qaidoon 2
Hejaz Saudi Arabia 113
- India 109
India, Deobran 89
Indonesia 9, 71, 108
 Bukit Tinggi 88
 Kalimantan 5, 93
 Medan 116
 Padang 88
 Pontianak 87, 97
 Propinsi Sumatera Utara 20
- Iraq 67
Istanbul 110
Itali 109
- Jakarta 110
Jalan Merbau, Kota Bharu 24
Jambi 71
Jasin 46
Jawa 93
Jeddah 113
Jempol 51
Jepang 79
Jerantut, Kampung Pulau Tawar 53
Jerman Barat 109
Jerman, Bendor 61
Johor 1, 4, 6, 8, 76

- Johor Bahru 1, 3, 9-10, 51
Johor Darul Takzim, Kampung Serom,
Muar 5
Johor, Batu Pahat 9
Johor Bahru 60
Kampung Sg. Boh, Kukup,
Pontian 112
Kluang 8-9
Langkat 1
Mersing 9-10
Muar 4, 8-9
Parit Kadi, Muar 8
Pontian 9
Segamat 10-11
- Kaherah 110, 116
Kampung Ampangan, Seremban,
Negeri Sembilan 49
Kampung Atas Banggul, Kota Bharu
20
Kampung Banggul Ara 30
Kampung Banggul Kota Bharu 21, 28
Kampung Bunut Payung Kota Bharu
21
Kampung Che' Bakar 21
Kampung Gong Kemuning Pasir Putih
34
Kampung Hulu Bandar Melaka 43
Kampung Imam Haji Abdullah 21
Kampung Parit 4½ Barat, Sungai Besar,
Sabak Bernam 89
Kampung Paya Bunga Duyung 91
Kampung Penambang 29
Kampung Tok Lukok 19
Kedah 16-17, 30, 34, 67, 110
Alor Setar 67, 107-108, 110-111
Kampung Seberang Pantai Johor
15
Kodiang 63
Langkawi 17
Kelang 36, 87-88
- Kelantan 8, 19, 21-22, 28, 30, 33,
37, 44, 71, 73, 114
Kampung Chetok, Pasir Mas 21
Kampung Pasir Pekan 1
Kampung Paya Lada, Ketereh 38
Kampung Pendita 53
Kota Bharu 19, 21-22, 30, 32,
36, 38, 63
Kumbang Bembau Pasir Mas 116
Nilam Puri 68, 89
Pantai Sabak, Kota Bharu 19
Kemboja 28
Kota Bharu, Kampung Langgar 22
Kampung Lorong Che Su 26
Kampung Lundang, Kota Bharu
21
Kampung Penambang 28, 32
Ketereh 38
Lorong Tok Semain 23
Lundang Paku 22
Melor 38
Kota Kinabalu 76
Kota Setar 17, 108
Kota Tinggi 8, 10
Kuala Lumpur 6, 7, 33, 73-74, 97,
101, 108, 110
Kuala Lumpur dan Labuan 68
Kuala Lumpur, Kampung Baru 46
Kuala Muda 17
Kuala Pilah 51
Kuala Sungai Baru 44
Kuala Terengganu 103
Batu Buruk 99
Kubang Kerian 38
Kubang Banggul, Kota Bharu 20, 26-
27
Kubur Surau Banggul, Kota Bharu 29
Ladang 99
Lebanon 108
London 11, 67

- Madinah 28, 101
 Maghribi 109
 Makkah Al-Mukarramah 4, 63
 Malaya 9
 Malaysia 73, 89, 115
 Mekah 8, 19, 21-22, 25-26, 28, 30,
 32, 35, 43-44, 49, 53, 59, 71,
 73, 85-86, 91, 93, 95, 101, 110,
 112
 Melaka 30, 44
 Bukit Lintang 45
 Kampung Air Molek 46
 Kampung Chincin, Jasin 46
 Kampung Kandang 45
 Kampung Kandang Batu 5 45
 Kampung Sungai Baru 44
 Sungai Ujong 45
 Umbai 34
 Melbourne 113
 Mesir 4-6, 9-11, 15, 29, 37, 45, 51,
 54-56, 68, 76, 83, 96-98, 109-
 110, 112-13, 116
 Kaherah 5, 90, 107, 112-13
 Mua'lla, Mekah 29
 Negeri Sembilan 49
 Kampung Pulau Bukit Chengkau
 50
 Rembau 50
 New Zealand 113
 Padang Terap 108
 Pahang 21, 53
 Kampung Benta, Pekan 55
 Kampung Tanjung Besar, Kuala
 Lipis 54
 Kampung Telok Sentang,
 Temerloh 56
 Kuala Lipis 54
 Pekan 53, 55-56
 Relai 34
 Pakistan 109
 Palestin 109
 Parit Enam Sungai Besar 89
 Pasir Mas 36
 Kampung Kubang Bunut/ Kasar
 36
 Pasir Mukarramah 19
 Pasir Putih 33
 Patani 91-93
 Pattani 91, 93
 Perak 30, 32, 54, 87
 Bagan Datoh 87
 Gerik 116
 Gunung Semanggol 116
 Jalan Kuala Kangsar 87
 Kampung Layang-Layang Kanan,
 Parit 59, 87
 Kampung Padang Tenggal, Bota
 Kanan, Parit 59, 86
 Kuala Kangsar 60, 114
 Padang Rengas, Kuala Kangsar
 83
 Parit Buntar 60
 Parit Tok Ngah, Tanjung Piandang,
 Parit Buntar 60
 Selama 34
 Selekoh 85
 Perancis 109
 Perlis 30, 63, 67
 Batas Liku Arau 67
 Kampung Hutan Kandis, Arau 63
 Perth 113
 Pulau Pinang 51, 63, 116
 Bukit Mertajam 85, 113
 Kubang Semang, Bukit Mertajam
 107
 Permatang Sungai Dua, Kepala
 Batas 68
 Seberang Perai 64
 Pusan (Patani) 34

- Rasah 51
Rasah, Kampung Pondok 50
Raub 55
- Sabah 73, 76
 Tawau, 38
Sarawak, Kampung Patingan 79
 Kuching 80-81, 83
Saudi Arabia, Mekah 113
Seberang Perai, Kampung Pasir Tebu,
 Kepala Batas 110
 Kepala Batas 59, 86
Selangor 74, 103
 Bangi 101
 Kampung Batu 22 Kanchong
 Darat, Banting 88
 Kampung Teluk Menegun, Klang
 85
 Klang 60, 90, 101
 Kuang 88
 Sg. Besar 89
Selatan Thailand, Yala 22
Semenanjung Tanah Melayu 93
Semporna 76
Shah Alam 90
 Seksyen 3 87
Sik 17
Singapura 5, 13, 50-51, 61, 73, 76,
 79, 80-81, 83, 108, 110, 112
Sumatera 93
 Pesantren Jambi 71
Switzerland 109
- Tanah Jawa 3
Tanah Melayu 3-4
Tangkak 46
Tanjong Malim 49
Tapanuli Selatan 20
Telok Sentang 56
Temerloh 55-56
Terengganu 24, 91-95, 98
 Bukit Bayas 91
 Kampung Paya Bunga 91
 Kemaman 103
 Kijal, Kemaman 103
 Kuala Terengganu 98
Terengganu Darul Iman, Jerteh, Besut
 100
Thailand 108
 Bangkok 20
Tumpat 33
 Chenderong Batu 33
Turki 10, 109
- United Kingdom 62, 83, 107
 Scotland 115
- Washington, Amerika 61
Wilayah Persekutuan 74
- Yaman 108
Yan 17

Biografi Mufti-mufti Malaysia

Buku ini merupakan usaha awal untuk mengumpulkan tokoh-tokoh ahli agama yang bergelar "Mufti" di Malaysia. Seramai 92 orang mufti telah dapat direkodkan meliputi negeri-negeri di Malaysia, termasuklah mufti bagi Wilayah Persekutuan sebelum merdeka sehingga kini. Paparan utama dalam buku ini menyentuh latar belakang diri dan pendidikan berserta sumbangan dan khidmat kepada masyarakat bagi setiap mufti yang pernah dilantik. Setiap biografi mufti di dalam buku ini disusun mengikut abjad negeri-negeri di Malaysia dan seterusnya mengikut susunan lantikan perkhidmatan sebagai mufti untuk memudahkan pembaca mendapatkan maklumat tersebut. Buku ini ditulis dengan iltizam yang tinggi untuk mengenang jasa dan pengorbanan mufti-mufti memandangkan belum ada penerbitan secara menyeluruh berkaitan biografi mufti-mufti Malaysia.

AZMAN AB RAHMAN [al-'Aliya (Al al-Bayt, Jordan) M. IRKH (UIAM)], Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

ZAHARI MAHAD MUSA [al-'Aliya (Al al-Bayt, Jordan) M. Islamic Studies (UKM)], Pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

NIK SALIDA SUHAILA NIK SALEH [LLB (Hons) (UIAM) MCL (UIAM)], Pensyarah Kanan di Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

ADEL M. ABDUL AZIZ (Dr.) [B.A (Sebha, Libya) al-'Aliya (al-Fateh, Libya) M. Islamic Studies, Ph.D (UKM)], Pensyarah Kanan di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

ISBN 978-963-2950-61-3



9 789832 950813